

**‘EXCHANGE TRADED FUNDS’ ETF BERCIRIKAN WAKAF: ANALISIS
KEDUDUKAN SAHAM *EQ8 WAQF* DALAM PASARAN BURSA MALAYSIA**

**[EXCHANGE TRADED FUNDS ETF FEATURING WAQF:
ANALYSIS *EQ 8 WAQF* SHARE IN THE BURSA MALAYSIA]**

MOHD RIDZUAN MOHAMAD^{1*} & AHMAD AZRIN ADNAN²

1 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jalan Sultan Mohamad, 20519, Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA. E-Mail: duan_shi@yahoo.com

2 Fakulti Perniagaan Dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-Mail: ahmazrin@unisza.edu.my

Corresponding Author E-Mail: duan_shi@yahoo.com

Received: 1 January 2026

Accepted: 22 January 2026

Published: 20 February 2026

Abstrak: Pergerakan pasaran dalam sesebuah negara menggambarkan kedudukan ekonomi dari sudut makro samada berada pada paras yang baik atau sebaliknya. Terdapat dua (2) pasaran di Malaysia iaitu *Islamic Capital Market* dan *Coventional Capital Market*. Kedudukan *Islamic Capital Market* terus berkembang dari tahun ke tahun. Hal ini menunjukkan momentum instrumen dalam pasaran modal Islam menjadi ‘demand’ permintaan secara positif dalam kalangan masyarakat pada hari ini seperti saham, waran, *sukuk*, unit *trust* / amanah, REIT ‘*Real Estate Investment Trust*’, ETF ‘*Exchance Traded Funds*’, ETBS ‘*Exchance Traded Bons and Sukuk*’ dan sebagainya. *EQ8 Waqf* merupakan salah satu produk pertama di dunia yang dilancarkan dengan menggabungkan saham ETF dengan instrumen wakaf. Sehubungan itu, kajian sebelum ini berkait kedudukan saham ETF hanya tertumpu kepada hukum syarak dari sudut akad dan kontrak. Justeru, kajian kualitatif ini akan memfokuskan kepada pergerakan saham *EQ8 Waqf* dalam pasaran berdasarkan teknik ‘fundamental’ dan ‘teknikal’ dengan menggunakan instrumen *Chart Trading Candlestick*. Data yang diperoleh di analisis melalui kaedah analisis kandungan ‘*content analysis*’. Selari dengan pemantauan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, kedudukan pasaran bagi saham *Eq8 Waqf* berada pada paras yang pelbagai mengikut tinjauan dari sudut fundamental dan teknikal saham. Kesimpulannya, hasil kajian ini akan menyumbang sebagai sumbangan ilmiah untuk kelangsungan kajian selanjutnya serta memperluaskan lagi ilmu berkait kedudukan saham khususnya saham ETF wakaf yang baru dilancarkan dan merupakan produk pertama di dunia.

KATA KUNCI - *Exchance Traded Funds (ETF), Pasaran, Bursa Malaysia, Wakaf, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).*

Abstract: Market movements in a country reflect the economic position from a macro perspective, whether it is at a good level or otherwise. There are two (2) markets in Malaysia, namely the Islamic Capital Market and the Conventional Capital Market. The position of the Islamic Capital Market continues to grow from year to year. This shows the momentum of instruments in the Islamic capital market becoming a positive demand among society today such as shares, warrants, *sukuk*, unit trusts / trusts, REIT 'Real Estate Investment Trust', ETF 'Exchance Traded Funds', ETBS 'Exchance Traded Bonds and Sukuk' and so on. *EQ8 Waqf* is one of the first products in the world launched by combining

ETF shares with waqf instruments. In this regard, previous studies related to the position of ETF shares only focused on Islamic law from the perspective of contracts and contracts. In fact, this qualitative study will focus on the movement of EQ8 Waqf shares in the market based on 'fundamental' and 'technical' techniques using the Candlestick Trading Chart instrument. The data obtained was analyzed using the 'content analysis' method. In line with the regulations under the Capital Markets and Services Act 2007, the market position of Eq8 Waqf shares is at various levels according to the review from the fundamental and technical perspective of the shares. In conclusion, the results of this study will contribute as a scientific contribution for the continuation of further studies and further expand knowledge related to the position of shares, especially the newly launched waqf ETF shares and is the first product in the world.

Keywords: Exchange Traded Funds (ETF), Market, Bursa Malaysia, Waqf, Terengganu Islamic Religious and Malay Custom Council (MAIDAM).

Cite This Article:

Mohd Ridzuan Mohamad & Ahmad Azrin Adnan. (2026). 'Exchange Traded Funds' ETF Bercirikan Wakaf: Analisis Kedudukan Saham EQ8 Waqf dalam Pasaran Bursa Malaysia [Exchange Traded Funds ETF Featuring Waqf: Analysis EQ8 Waqf Share in the Bursa Malaysia]. *TIJARI International Journal of Islamic Economics, Business and Entrepreneurship* 6(1), 29-40.

PENGENALAN

Pasaran modal Islam atau '*Islamic Capital Market* ICM bukan perkara asing dalam dunia pelaburan yang melibatkan pelbagai instrumen seperti saham, waran, *sukuk*, unit trust / amanah, REIT '*Real Estate Investment Trust*', ETF '*Exchange Traded Funds*, ETBS '*Exchange Traded Bonds and Sukuk*' dan sebagainya (Nur Azura et al, 2013). Pada Disember 2023, kedudukan ICM telah mencapai 63.73% daripada keseluruhan pasaran modal di Malaysia iaitu meningkat pertambahan secara puratanya sebanyak 4% hingga 5% setiap tahun. Pada tahun 2024, nilai keseluruhan pasaran modal sebanyak 3,807.73 bilion yang merangkumi nilai ICM sebanyak RM 2,426.77 bilion manakala *coventional market* sebanyak RM 1,380.96 billion. Momentum ini menunjukkan pembangunan kewangan Islam khususnya ICM menjadi tarikan utama kepada para pelabur berdasarkan tawaran produk patuh syariah yang dikawal selia oleh pihak autoriti iaitu Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia '*Shariah Advisory Council of the Securities Commission Malaysia*' (IIUM & Bank Rakyat, 2025). Pada tahun 2025 (sehingga Mei), sebanyak 1,056 buah syarikat yang disenaraikan di bursa samada di peringkat *Main market*, *ACE market* atau *LEAP market* dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 80% atau 850 buah adalah disenaraikan sebagai patuh syariah. Dari sudut sektor pula, syarikat yang disenaraikan patuh syariah telah mendominasi berbanding tidak patuh syariah iaitu 85% sektor perkhidmatan dan barangan industri, 75% sektor perkhidmatan dan barangan pengguna, 78% sektor teknologi, 87% sektor hartanah, 96% sektor pembinaan, 93% sektor tenaga, 80% sektor perladangan, 91% sektor pengangkutan dan logistik, 90% sektor kesihatan, 74% sektor telekomunikasi dan media, 85% sektor utiliti dan 13% sektor perkhidmatan kewangan (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2025).

ETF merupakan salah satu bentuk pelaburan yang unit dan menjadi pilihan kepada para pelabur di peringkat global. ETF adalah dana terbuka yang menjejaki indeks di mana dana tersebut merangkumi pelbagai aset, saham, komoditi mengikut prospektus pelaburan. Ia

didagangkan di bursa, para pelabur boleh membeli dan menjual mengikut waktu dagangan bursa Malaysia melalui pihak broker atau *remisier*. ETF juga merupakan dana yang dikendali secara pasif dan menjejaki pergerakan prestasi indeks, secara umumnya ia sama kaedah jual beli saham dan berbeza dengan pembelian unit amanah. Harga unit ETF didagangkan sepanjang hari sama seperti unit saham dan para pelabur boleh menebus unit dengan mudah dengan mendapatkan tunai menjelang hari ketiga pasaran selepas tempoh dagangan iaitu 'T+3'. Kos pembelian ETF melibatkan bayaran komisen kepada pihak broker, duti setem dan kos SST. Para pelabur ETF akan meraih pulangan dividen selain keuntungan unit yang didagangkan. Walaubagaimanapun, turun naik harga unit ETF adalah terkesan secara langsung pergerakan prestasi yang didagangkan samada saham, *sukuk*, komoditi, emas dan sebagainya. Justeru, para pelabur ETF mestilah mengambil tahu tentang objektif pelaburan ETF, maklumat indeks dijejaki oleh ETF, polisi dividen, yuran atau kos dan maklumat syarikat yang mengendalikan ETF (Bursa Malaysia, 2025).

Perbezaan ETF dengan unit amanah pula, ETF diuruskan secara pasif dan bentuknya adalah menjejaki indeks, pengurus dana ETF akan mengikuti prestasi indeks penanda arasnya. Unit amanah pula diuruskan secara aktif dan para pelabur membayar kepada pihak pengurus dana untuk memilih indeks saham atau sekuriti lain yang telah dianalisis oleh pengurus dana tersebut. Kos caj atau yuran pula ETF lebih murah sekitar 1% berbanding Unit Amanah sekitar 3% hingga 5 %. Perbezaan ketara adalah ETF didagangkan di pasaran terbuka iaitu pasaran bursa, manakala unit amanah dijual / dibeli melalui agen / institusi seperti bank dan sebagainya mengikut tempoh waktu agen tersebut selain itu unit amanah juga tidak didagang sepanjang hari (Bursa Malaysia, 2025).

Tidak dinafikan instrumen kewangan dan pasaran modal Islam merupakan perkara dinamik dan sesuai diterapkan mengikut prinsip syariah serta menjadi tarikan kepada masyarakat secara keseluruhannya. Dalam konteks wakaf, ia juga salah satu perkara yang dikaji oleh ilmuwan Islam tentang kebolehlaksanaanya dari sudut syariah jika berkaitan tentang isu yang baharu seperti wakaf tunai, *istibdal* wakaf, penjualan pajakan tanah wakaf dan sebagainya (Ridzuan 2025). Justeru, gabungan instrumen wakaf dengan ETF merupakan perkara yang unit dan ia juga merupakan salah satu produk pertama di peringkat global dalam konteks pasaran modal Islam (Yayasan Waqaf Malaysia, 2024).

SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian tentang kedudukan ETF, antaranya status pematuhan syariah dari sudut pelaksanaan i-ETF yang berteraskan kepada emas sebagai aset *pendasar* dalam konteks keuntungan dan pelaburan. Walaupun pada asasnya pelaburan emas menjadi perdebatan dalam kalangan para ulama kontemporari. Justeru, dalam konteks gabungan dengan instrumen ETF, secara rumusannya ia dibenarkan selari dengan piawaian yang ditetapkan oleh *Shariah Advisory Council of the Securities Commission Malaysia* (Azam Sulaiman et al, 2021). Menurut Md Nurdin (2019), secara prinsip bahawa pelaburan i-ETF telah memenuhi aras pematuhan syariah antaranya para pelabur mengetahui maklumat yang jelas tentang pergerakan indeks yang mewakili sekumpulan saham ETF berkenaan seterusnya i-ETF juga bersandarkan kepada aset *pendasar* yang dibenarkan oleh syariah. Aspek yang lain, setiap dagangan saham mempunyai kos, dalam konteks ini ETF mempunyai kos yang rendah berbanding unit amanah.

Ia juga merupakan dana yang didagangkan dalam pelbagai jenis saham yang digabungkan, justeru kedudukan ETF menjadi perhatian dan tarikan kepada para pelabur di peringkat global (M. Weber et al, 2013). Di Indonesia, ETF menjadi tarikan para pelabur kerana kedudukan berasaskan patuh syariah sebagaimana ditetapkan di bawah undang-undang ‘Otoritas Jasa Keuangan OJK 19/POJK.14/2015 di mana pelaburannya mestilah tidak berasaskan kepada alkohol, riba, perjudian dan sebagainya, hal ini selari dengan populasi masyarakat Islam yang paling ramai di dunia. (R. Adji Suryosumirat, 2023). Saiz pasaran modal yang telah disenaraikan sebagai patuh syariah masih rendah sekitar 39.11% manakala 65.43% lagi masih belum dikenal pasti oleh pihak autoriti iaitu OKJ (Mohammad David, 2025). Walaubagaimanapun, saiz peratusan pasaran modal Islam terus meningkat dengan wujudnya platform secara komprehensif iaitu Indeks Saham Syariah Indonesia ISSI (Ratih Siviany et al, 2025). Secara keseluruhannya, kajian lepas menjuruskan tentang kedudukan ETF dari aspek pematuhan syariah samada dalam atau luar negara sebagaimana ringkasan Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Sorotan Kajian ETF dalam konteks pematuhan syariah

Pengkaji	Tajuk Kajian	Tahun
Azam Sulaiman & et al.	Isu Syariah Pelaburan I-ETF Berasaskan Emas Yang Disenaraikan Di Bursa Malaysia	2021
Md Nurdin Ngadimon	Peranan majlis penasihat syariah suruhanjaya sekuriti Malaysia dalam pembangunan pasaran modal Islam di Malaysia	2009
R. Adji Suryosumirat	Exchange Trade Fund (ETF) Syariah Sebagai Alternatif Investasi Halal	2023
Ratih Siviany & et al.	Saham Syariah: Akad-Akad Saham Syariah Dan Praktiknya Di Negara Indonesia & Qatar	2025
Mohammad David	Analisis Perkembangan Dan Peluang Investasi Saham Syariah Sesuai Prinsip Islam	2025

Sumber: Penyelidik, 2024

Berdasarkan jadual 1 di atas, kajian hubungan wakaf dengan pelaksanaan ETF masih belum diterokai sepenuhnya. Justeru, kajian ini akan memfokuskan pelaksanaan ETF menerusi instrumen wakaf seterusnya impak dalam pasaran modal Islam di bursa Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Melalui teknik kajian perpustakaan (*library research*) data dalam bentuk dokumen seperti jurnal, buku laporan, laman web rasmi jabatan

dan sebagainya berkait kedudukan ETF dan wakaf. Penyelidik menggunakan *Chart Trading Candlestick* yang diperoleh daripada broker saham berlesen untuk penelitian terhadap pergerakan saham ETF wakaf (Eq8 Waqf) dalam pasaran bursa Malaysia (FBMKLCI). Penelitian kedudukan saham ETF wakaf ini ditinjau dari dua (2) aspek iaitu aspek ‘fundamental’ dan ‘teknikal’. Data dari sudut tinjauan fundamental dan teknikal dianalisis secara analisis kandungan ‘*content analysis*’.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Pada Ogos 2023, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) sebagai pelopor dalam mengintegrasikan antara instrumen wakaf dengan ETF. Inovasi ini melibatkan beberapa rakan strategik iaitu KENANGA (*Kenanga Islamic Investors Berhad*), Bursa Malaysia (*Islamic Product & Market Development*) dan Bank Islam (*Sadaqa House*). Cadangan pelaksanaan ni akan mampu meraih peningkatan sumber wakaf yang lebih efisien melalui instrumen pasaran modal Islam. Selari dengan perundangan wakaf sedia ada, hal ini diperuntukkan di bawah Enakmen Wakaf Terengganu (2016) Subseksyen 19 (1) (a):

‘Bagi maksud pelaburan atau dalam mana-mana harta yang diperolehnya atau bagi Pembangunan mana-mana *mawquf*.

Kerjasama antara pihak MAIDAM dan pihak berkaitan diperincikan seperti berikut:

- a. Pewakaf (pemegang unit / saham) melabur ke dalam BURSA melalui akaun CDS.
- b. Dana ETF (Wakaf) dilaburkan pula ke dalam saham patuh Syariah di senarai BURSA Malaysia. BIMB *Securities* bertindak sebagai penasihat syariah.
- c. Dana ETF ditadbir urus oleh ‘Pengurus Dana’ (KENANGA Investor Berhad).
- d. Pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan dana ETF ini, 50% akan disalurkan kepada pelabur, manakala 50% lagi akan diwakafkan ke dalam Dana Wakaf Tunai Terengganu. Di sinilah bermulanya ikrar wakaf.
- e. MAIDAM bertindak selaku Pemegang Amanah aset wakaf ini sebagaimana seksyen 4 (1) (e) Enakmen Wakaf Negeri Terengganu 2016, MAIDAM melantik Sadaqa House BIMB untuk mentadbir *mawquf* bagi pihak MAIDAM termasuk aktiviti pelaporan dan pengauditan.
- f. Pengagihan aset wakaf kepada projek berkaitan akan dikawal oleh Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh MAIDAM, KENANGA dan *Sadaqa House*.
- g. Rangka model kerjasama ini secara terperinci seperti mana rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Model Pelaksanaan Dana ETF Bercirikan Wakaf



Sumber: MAIDAM, 2024

Walaubagaimanapun, Insentif ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan terdapat beberapa perkara teknikal yang tidak melepasi oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Kemudiannya diteruskan di peringkat nasional yang di mana ia dikendalikan oleh pihak Eq8 Capital Sdn Bhd menerusi perjanjian dengan pihak Yayasan Waqaf Malaysia. Ia dilancarkan pada Disember 2024 dan turut disaksikan oleh Menteri Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama (Sharul Ifwat et al, 2025).


Eq8 Capital Sdn Bhd merupakan syarikat yang dilesenkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia SC sebagai pengurus dana atau *fund manager* bagi dana ETF. Pada tahun 2025, sebanyak enam (6) syarikat pengurus dana yang disenaraikan bagi dana ETF iaitu AHAM Asset Management Berhad, AmFunds Management Bhd, Kenanga Investor Berhad, Principal Asset Management Berhad, M&A Value Patners Management Malaysia Sdn Bhd dan Eq8 Capital Sdn Bhd (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2025). Eq8 Capital Sdn Bhd terdiri 6 orang *board of director* dan strukturnya melibatkan *company secretary* (Norliza Abd Samad 'No MAICSA 7011089'), *trustee* (Deutsche Trustees Malaysia Berhad), *auditor* (Ernst & Young PLT), *tax adviser* (PricewaterhouseCoopers Taxions Services Sdn Bhd), *participating dealer* (Kenanga Investment Bank Berhad), *shariah adviser* (Amanie Advisor Sdn Bhd dan *share register* (Boardroom Share Registrars Sdn Bhd), *custodian* (Deutsche Bank 'Malaysia' Berhad), *indeks licensor* (FTSE International Limited), *fund accountant* (Deutsche Trustee Malaysia Bhd (Laporan Tahunan Eq8 Capital Sdn Bhd, Disember 2024).

Saham ETF ini dipasarkan di bursa Malaysia sebagai 'Main Market', nama saham 'EQ8 FTSE Malaysia Enhance Dividend Waqf' singkat EQ8WAQF nombor 0839EA dan jenis dana 'Islamic Equity Exchange-Tarded Fund'. Sebagai saham ETF, EQ8WAQF akan menjejaki pergerakan indeks secara pasif yang telah dianalisis agar mencapai misi pulangan dividen secara maksimum kepada pelabur dan wakaf. Analisis saham ini berdasarkan kepada pemberat melalui kaedah *FTSE Target Exposure Methodology*. Target penjejak indeks 'Fund's Benchmark' iaitu komoditi dan produk dalam pasaran 'FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah

Factor Enhanced Target Dividend Index 'FBEMSTDP'. Keuntungan saham ETF iaitu agihan dividen sebanyak 50% akan disalurkan kepada wakaf '*waqf asset*' yang diurus oleh pihak Yayasan Waqaf Malaysia 'YWM'. Pihak YWM akan menggunakan dana wakaf dalam sektor pembangunan ekonomi, pendidikan, kesihatan dan keperluan semasa. Selain para pelabur meraih pulangan dividen, mereka juga telah menyumbang secara tidak langsung kepada impak sosial melalui instrumen wakaf ini (Laporan Tahunan Eq8 Capital Sdn Bhd, Disember 2024).

Komposisi portfolio saham ETF dalam indeks FBEMSTDP pada pertengahan 2025 adalah terdiri industri 19.9%, perkhidmatan kewangan 17.4%, telekomunikasi 14.2%, teknologi 9.6%, keperluan asas (*consumer staples*) 8.7%, keperluan bukan asas (*consumer discretionary*) 8.7%, kesihatan 3.9%, utiliti 1.9%, tenaga 0.9% dan simpanan tetap '*short term Islamic deposits*' 1.7%. Pemegang saham bagi dana ini pula iaitu 10 senarai teratas, TIME dotCom Berhad 9.9%, Inari Amertron Berhad 9.6%, Bursa Malaysia Berhad 9.6%, Gamuda Berhad 7.0%, Axis Real Estate Investment Trust 6.7%, United Plantations Berhad 5.1%, Bank Islam Malaysia Berhad 4.6%, V.S Industry Berhad 4.5%, Eco World Development Group Berhad 4.0% dan Kossan Rubber Industries Berhad 3.9%. Pergerakan dan perubahan ekonomi global secara tidak langsung mempengaruhi kedudukan saham ETF. Pada tahun 2025 ketika mana berlaku ketidakketentuan ekonomi, pasaran secara global masih berada pada aras margin profit berbanding sebelumnya seperti DOW JONES, S&P 500 dan NASDAQ, dalam konteks pasaran tempatan, ia turut meraih pergerakan positif dan berada dalam pasaran kukuh iaitu FMB Small Cap, FMB KLCI, FBM 100 dan FBM Syariah Indices sekitar keuntungan 6.7%, 8.4 % dan 9.2 %. Keseluruhan pergerakan pasaran berdasarkan indeks FBEMSTDP sebagaimana rajah 1 di bawah

Rajah 2: Indeks FBEMSTDP



Sumber: Laporan Tahunan Eq8 Waqf 2025

Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 telah menetapkan kedudukan dan peraturan berkait pelaburan di Malaysia, antaranya pihak broker saham tidak boleh mencadangkan kepada mana-mana pihak untuk membeli dan menjual saham sesebuah syarikat yang disenaraikan kecuali hanya memberi petunjuk dan nasihat (Abdul Rahim et al, 2016). Justeru dalam konteks kajian ini, tinjauan saham Eq8 Waqf tidak menjurus kepada mana-mana pihak untuk dibuat pelaburan atau sebagainya kecuali ditinjau dari sudut perspektif kedudukan semasa berdasarkan peraturan yang dibenarkan.

Dua kaedah tinjauan dari sudut kedudukan saham bagi sesebuah syarikat, pertama secara ‘fundamantal’ dan kedua ‘teknikal’. Indikator fundamantal adalah terdiri kedudukan Penyata Kewangan, *PE Ratio & ROE (Return on Equity)*, *Net Profit*, *Total Number of Share*. *PE Ratio* adalah gandaan nilai harga syarikat berbanding keuntungan syarikat, kebiasaan kedudukan *PE Ratio* yang tinggi akan menunjukkan sesebuah harga saham syarikat adalah mahal. Rumus bagi *PE Ratio* melalui dua bentuk, pertama: $PE Ratio = Market cap / net profit$ dan kedua: $PE Ratio = Price per share / EPS$. Dalam konteks pelaburan saham, unjuran kadar *PE Ratio* adalah di bawah 15%. *ROE* pula, kadar yang sesuai mengikut beberapa pakar kajian saham sekitar 15% ke atas. Bagi kedudukan *EPS (Earning Per Share)*, ia menggambarkan sesebuah syarikat akan memaklum kepada para pelabur sejauhmanakah kemampuan pendapatan dan pulangan akan diagihkan melalui formula $EPS = Number of Share \times 100\%$. Kedudukan *Net Profit* pula, ia dilihat dari sudut *Gross Profit Margin* melalui formula $Gross Profit Margin = Gross Profit \times 100\%$, semakin besar peratusan *Gross Profit Margin* maka semakin baik pengurusan kewangan sesebuah syarikat. manakala *Total Number of Share*, petunjuknya ialah kedudukan saham bagi sesebuah syarikat ‘berat’ atau ‘ringan’, jika jumlah *share* yang banyak maka saham tersebut adalah berat. Saham yang berat menunjukkan saham pergerakan saham tersebut agak susah menurun dan juga menaik. Seterusnya kedudukan *dividen (Dividen Yeild)*, agihan dividen salah satu aras bagi petunjuk kedudukan saham dalam sesebuah syarikat berdasarkan kadar kenaikan tahunan atau sebagainya. Berbanding indikator ‘teknikal’, ia memfokuskan kepada beberapa teknik antaranya kedudukan *uptrend, downtrend, sideway, pullback, retrace, rebound, volume, Moving Average (EMA, MA, SMA), ATR (Support & Resistance), BTST (Entry Price), Follow & Buy The Volume, RSI (Over Sold & Over Bought)* dan banyak lagi. Untuk teknik fundamantal, kedudukan pelaburan memfokuskan kepada tempoh yang panjang ‘*long term*,’ Bagi teknik teknikal pula memfokuskan kepada tempoh sederhana atau singkat, ianya disebut sebagai ‘*tarder*’ atau perdagangan dalam pelaburan saham (Maher Alias, tt).

Tinjauan fundamental bagi saham Eq8 Waqf iaitu nilai *market capitalization / market cap* RM 1.5 juta menyusut sebanyak - 8.19% menjadikan nilai saham tersebut ‘*NAV Price Return*’ RM 0.9181 per unit manakala pergerakan indeks FBEMSTDP iaitu *Price Return Index* sebanyak – 12.12%. *NAV highest* per unit RM 1.0124 dan *NAV lowest* per unit RM 0.8428. Kedudukan penyata kewangan pula sebagaimana rajah 2 di bawah:

Rajah 3: Kedudukan Penyata Kewangan sehingga 30 Jun 2025

ASSETS		
INVESTMENT		
Financial assets at FVTPL	4	1,354,205
OTHER ASSETS		
Amount due from Manager		6,949
Other receivables	10	1,917
Cash at bank		15,933
		24,799
TOTAL ASSETS		1,379,004
LIABILITIES		
Amount due to Trustee		93
Other payables	11	1,783
TOTAL LIABILITIES		1,876
EQUITY		
Unit holders' contribution		1,508,200
Accumulated losses		(131,072)
NET ASSET VALUE ("NAV") ATTRIBUTABLE TO UNIT HOLDERS	12	1,377,128
TOTAL LIABILITIES AND EQUITY		1,379,004
NUMBER OF UNITS IN CIRCULATION	12(a)	1,500,000
NAV PER UNIT (RM)		0.9181

Sumber: Laporan Tahunan Eq8 Waqf 2025

Berdasarkan rajah 3 di atas, jumlah aset (semasa dan bukan semasa) sebanyak RM 1,379,004.00 jumlah liabiliti RM 1,876.00 manakala jumlah equiti RM 1,377,128.00. Dana awal bagi pelaburan ini sebanyak RM 1,500,000.00. Jumlah keuntungan bertambah sebanyak RM 8,200. Sehingga Jun 2025, berlaku penyusutan sebanyak RM 131,027.00 menjadikan NAV 'Net Asset Value' sebanyak RM 1,377,128.00 bersamaan NAV *per unit* atau nilai unit saham sebanyak RM 0.9181.

Tinjauan teknikal pula, kajian ini menggunakan *Chart Trading Candlestick* sebagai aras penggerakkan momuntem saham sebagaimana rajah 4 di bawah:


Rajah 4: Chart Trading Candlestick EQ8 FTSE Malaysia Enhanced Dividen Waqf ETF



Sumber: Penyelidik

Melalui indikator 'follow the volume' RSI (relative strength indeks), aras kenaikan RSI iaitu *over bought* berlaku pada 17 Julai 2025 manakala Januari hingga Jun pula berada *over sold* berdasarkan rajah 5 di bawah:

Rajah 5: Kedudukan volume (relative strength indeks RSI) Eq8Waqf.



Sumber: Penyelidik

Bagi indikator *Moving Average* (EMA, MA, SMA) pula iaitu purata pergerakan saham yang dinilai samada mempunyai momentum dalam tempoh hari yang ditetapkan. Kedudukan *Moving Average* (EMA, MA, SMA) adalah pada paras di atas harga pasaran semasa maka akan berlaku jangkaan positif dalam sesebuah saham. Salah satu teknik MA yang dilihat iaitu MA yang kecil akan melepasi MA yang besar.

Rajah 6: Kedudukan *volume (relative strength indeks RSI) Eq8Waqf*



Sumber: Penyelidik

Berdasarkan rajah 6 di atas, kedudukan saham Eq8 Waqf diukur salah satu teknik iaitu *MA 7 Cross MA 26* dan hasilnya menunjukan kedudukan *MA 7* telah melepasi sebanyak 4 kali ke atas *MA 26*. Tiga indikator yang digunakan terhadap tinjauan pergerakan saham ini dalam pasaran, walaubagaimanapun masih banyak indikator yang lain sebagaimana dinyatakan di atas.

KESIMPULAN

Kedudukan wakaf amat penting dikombinasikan dengan pelbagai instrumen agar manfaatnya dikembalikan kepada masyarakat. Bagi saham ETF wakaf, pulangan dividen dijadikan sebagai aset wakaf. Justeru kedudukan saham ini adalah penting dilihat dalam konteks pergerakan pasaran. Secara keseluruhannya, kedudukan pasaran bagi saham *Eq8 Waqf* berada pada paras yang pelbagai berdasarkan teknik yang dipilih samada tinjauan dari sudut teknikal dan fundamental. Kesimpulannya, hasil kajian ini akan menyumbang sebagai sumbangan ilmiah untuk kelangsungan kajian selanjutnya. Hal ini kerana kajian yang lepas hanya tertumpu kedudukan saham dan wakaf dari sudut kupasan hukum syarak dan tidak menjelaskan aspek teknikal dalam pasaran.

RUJUKAN

- Adnan, N., Misran, M. A., & Sahid, A. R. M. (2021) Isu Syariah Pelaburan I-ETF Berasaskan Emas Yang Disenaraikan Di Bursa Malaysia. *International Journal of Muamalat* Vol. 5, No. 1
- A, Maher. tt. *Panduan Lengkap Kuasi Teknik Mudah & Strategik Dalam Analisis Saham*. tp.
- A, Rahim, R., Taqiyaddin-Arizan, A., & Mohd-Nor, S. (2016). Analisis Teknikal Dan Implikasinya Terhadap Kecekapan Pasaran Saham Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 48(1), 3-20.
- Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 [En.1/2016]

- Eq8 FTSE Malaysia Enhanced Dividen Waqaf ETF. (2025), Annual Report For The Financial Preiod from 5 Disember 2024 (Date of Commencement) to 30 June 2025, Kual Lumpur: Eq8 Capital Sdn Bhd [Company No 20070103439 (792968-D)].
- Irawan, M. D. R. (2025). Analisis Perkembangan dan Peluang Investasi Saham Syariah Sesuai Prinsip Islam. *Jurnal Kajian Islam dan Sosial Keagamaan*, 2(4), 655-665.
- Laman Web Rasmi Bursa Malaysia: <https://www.bursamalaysia.com/> (akses pada 2025)
- Laman Web Rasmi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia: <https://www.sc.com.my/bm/> (akses pada 2025)
- Ngadimon, M. N. (2009). Peranan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Dalam Pembangunan Pasaran Modal Islam Di Malaysia. *Jurnal Muamalat*, 2, 133-152.
- Mohamad, M. R., & Adnan, A. A. (2024). Pendanaan Wakaf Menerusi Wakaf Bertempoh (*Muaqqat*): Sorotan Kajian di Negeri Terengganu [Waqf Funding Through Durational Waqf (*Muaqqat*): Literature Review in State of Terengganu]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 3(1), 10-20.
- Mohamad, M. R. (2025). Tahap Kesedaran Berwakaf Wang Tunai Dalam Kalangan Penjawat Awam di Negeri Terengganu [Awareness Level of Cash Waqf Among Public Servants in Terengganu State]. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 9(1), 41-61.
- Silviany, R., Awaliyah, A. F., Anantha, A., Sabila, W. S., & Batubara, M. (2025). Saham Syariah: Akad-Akad Saham Syariah dan Praktiknya di Negara Indonesia & Qatar. *JSE: Jurnal Sharia Economica*, 4(4), 43-52.
- Suryosumirat, R. A. (2023). Exchange Trade Fund (ETF) Syariah Sebagai Alternatif Investasi Halal. *Cakrawala Repositori IMWI*, 6(6), 2264-2271.